

Hamim: Pas kini kehabisan modal politik

PARTI Hizbulmuslimin (Hamim) hari ini mensifatkan Pas sekarang sudah kehabisan modal politik demokrasi lalu menimbulkan politik 'ugut-mengugut' terhadap orang ramai.

Ahli Majlis Pimpinan Pusat Hamim, Datuk Haji Nik Man Nik Mat berkata, "Pas sudah kehabisan modal berpolitik mengikut amalan demokrasi.

"Ini menyebabkan parti itu menggunakan isu kekerasan dan mengugut mana-mana tokoh Pas yang menyebelahi parti Hamim."

Datuk Haji Nik Man berkata, salah seorang Ahli Majlis Pimpinan Pusat Hamim, Haji Ramli Abdullah (bekas orang kuat Pas Kedah) telah diugut oleh dua orang lelaki apabila beliau enggan menandatangani surat menafikan beliau memasuki parti baru Hamim.

Ugutan itu dikatakan dibuat di rumah Haji Ramli di Sik, Kedah, pada Hari Raya kedua baru-baru ini.

Datuk Haji Nik Man memberitahu Berita Harian, kedua orang lelaki itu yang dipercayai adalah penyokong-pen-

yokong Pas dikatakan membawa sepucuk surat yang menyebutkan kononnya beliau tidak memasuki parti Hamim.

Menurutnya, Haji Ramli enggan menandatangani surat itu dan kedua orang tetamu itu memberitahu bahawa mereka tidak akan bertanggungjawab, jika sesuatu berlaku ke atasnya.

Datuk Nik Man yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Meranti berkata, berdasarkan perkara itu dan beberapa kes lain yang berlaku di negeri ini, sudah jelas perjuangan politik Pas sekarang kehabisan modal.

Katanya, perjuangan

KOTA BHARU, Ahad

Pas sudah terkeluar dari prinsip amalan demokrasi berparlimen di negara ini, yang mana setiap rakyat berhak menyertai mana-mana parti politik yang 'sah' tanpa sebarang sekatan melalui kekerasan atau ugutan.

Di samping itu, katanya, Pas selama ini yang mendakwa sebagai sebuah parti yang berjuang berlandaskan prinsip Islam telah banyak menghasut rakyat supaya berpecah belah dan memutuskan persaudaraan sesama Islam:

Beliau menyesali peristiwa seorang mertua yang dikatakan telah menghalau menantunya sekeluarga dari tinggal di tanah miliknya di Manik Ural, Ulu Kefantan, kerana perbezaan fahaman politik.

Ayah mertua itu dikatakan seorang penyokong kuat Pas manakala menantu lelakinya adalah 'orang Umno'.

Datuk Nik Man mensifatkan perbuatan itu terkeluar dari prinsip kemanusiaan dan boleh menjatuhkan maruah Islam.

Katanya, "Perbuatan ayah mertua itu menunjukkan fahaman politiknya cetek sebagaimana juga dengan pemimpin-pemimpin Pas sekarang yang banyak mengamalkan perbuatan seperti itu."

Menyentuh mengenai masa depan Hamim, Datuk Nik Man berkata, Hamim akan menjalankan strategi politiknya di seluruh negeri dan memberi penerangan kepada rakyat, terutamanya para penceroka di kawasan Ulu Kelantan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia